

23 JUN 2001

Umno-Melayu (Analisis Berita)

ANGGOTA UMNO PERLU PERBAIKI DIRI UNTUK MENANGI HATI ORANG MELAYU

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Seperti pada tahun-tahun lepas, perhimpunan agung Umno tahun ini yang berakhir hari ini, tetap menyerlahkan semangat dan keinginan para anggotanya untuk memuhasabah diri dalam usaha memenangi semula hati rakyat, khususnya orang Melayu.

Pada amnya anggota dan perwakilan ke perhimpunan empat hari itu, termasuk perhimpunan Pemuda dan Wanita, sependapat bahawa kesilapan masa lampau, baik di kalangan kepimpinan mahupun anggota akar umbi, tidak sewajarnya berulang.

Mereka juga sependapat bahawa adalah menjadi kewajipan seluruh anggota Umno untuk bangkit menentang segala anasir yang disifat sebagai dalang dan pengkhianat yang menjadi punca kepada perpecahan orang Melayu, khususnya parti PAS dan Keadilan.

Kebanyakan perwakilan atau anggota yang ditemui di perhimpunan itu rata-rata akur dengan amanat Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merumuskan ucapan dasarnya dengan memberi peringatan bahawa orang Melayu mungkin akan kembali menjadi hamba orang atau hanya tinggal nama dalam sejarah jika mereka terus berpecah dan tidak mempunyai kekuatan berdikari.

Jika semangat berkobar-kobar perwakilan yang mengambil bahagian dalam perbahasan di perhimpunan itu dijadikan ukuran, hasrat Umno untuk menawan kembali negeri Kelantan dan Terengganu serta beberapa kawasan pilihan raya di Pahang, Kedah, Perlis, Perak dan Selangor yang jatuh ke tangan PAS atau Keadilan, nampaknya tidaklah sesukar yang dianggap sesetengah pihak.

Bagaimanapun, di sebalik sikap optimis yang dipamerkan itu, ada sebilangan perwakilan atau anggota yang memilih untuk berpendirian lebih berhati-hati dalam merumuskan sebarang natijah hasil perhimpunan itu.

Seorang perwakilan dari sebuah bahagian Umno di Pahang berkata semangat berkobar-kobar yang dipamerkan itu hanya boleh diterjemahkan menjadi kenyataan jika masing-masing pemimpin dan anggota benar-benar mempraktikkan apa yang dikata.

"Kita tidak mahu terjadi seperti pada perhimpunan yang lepas-lepas...segala amanat Dr Mahathir dan apa jua yang dijanji dan diikrarkan para perwakilan dan anggota tercicir di belakang sebaik sahaja mereka melangkah keluar daripada dewan PWTC pada hari terakhir perhimpunan," ujar perwakilan itu yang juga bekas seorang pegawai kanan kerajaan Persekutuan.

Menurut beliau, pada perhimpunan agung tahun lepas, suara-suara lantang juga berkumandang mengajak seluruh anggota Umno berkorban demi memulihkan pengaruh parti di kalangan orang Melayu yang agak merosot pada pilihan raya umum 1999.

"Mereka juga kelihatan begitu bersungguh-sungguh untuk menjadi penggerak kepada kewujudan golongan peniaga atau pengusaha Melayu yang tulen dalam usaha memenuhi kuota penguasaan ekonomi Melayu yang dihasratkan Dasar Ekonomi Baru," katanya.

Malangnya, dakwa beliau, apabila balik ke tempat masing-masing, mereka bukan sahaja gagal membetulkan saf perjuangan, bahkan turut bercakaran sesama sendiri, sama ada untuk merebut kuasa di peringkat cawangan atau bahagian, ataupun untuk kepentingan kebendaan.

Beliau mendakwa ada di kalangan pemimpin atau anggota Umno itu yang terus menghidupkan budaya "Ali Baba".

"Wang diterima daripada tauke lebih awal daripada keluarnya surat

kelulusan sesuatu projek atau kawasan balak," katanya.

Pada masa yang sama, masih ada segelintir pemimpin yang segan-segan mempraktikkan konsep "mesra rakyat", lantas menggunakan orang pengantara atau wakil dalam berurusan dengan rakyat, sedangkan diri sendiri lebih banyak menghabiskan masa di Kuala Lumpur.

Beliau mengingatkan, gembar-gembur PAS kononnya "teori domino" boleh berlaku di negeri-negeri berjiran dengan Terengganu dan Kelantan pada pilihan raya akan datang, tidak seharusnya dipandang remeh. Majoriti kecil yang diperolehi kebanyakan calon Umno yang menang di negeri-negeri berkenaan pada 1999 harus dijadikan ingatan.

Sentimen yang disuarakan oleh perwakilan Pahang itu disokong oleh seorang anggota jawatankuasa sebuah bahagian Umno di Terengganu yang sudah empat tahun berturut-turut terpilih sebagai perwakilan.

Menurutnya, walaupun Umno telah mengalami kekalahan teruk di Terengganu pada 1999, masih ada segelintir pemimpin di peringkat bahagian dan cawangan yang berlagak angkuh di tengah-tengah rakyat, seolah-olah Umno masih berkuasa.

Di samping itu, masih ada yang terus memfitnah dan bermasam muka sesama sendiri selepas pemilihan peringkat bahagian baru-baru ini, termasuk di bahagian yang menerima kaedah kompromi untuk mengelak perebutan jawatan.

"Walaupun kepimpinan tertinggi sudah berbuih mulut mengajak seluruh anggota merenung bagi mencari di mana silapnya sehingga Umno boleh tumbang di Terengganu, masih ada di antara mereka yang dikongkongi budaya fitnah, enggan bertolak ansur atau merasai hanya diri mereka yang betul dan lebih bijak daripada orang lain," katanya.

Beliau menggesa kepimpinan Umno supaya bertindak tegas untuk memulihkan keadaan, termasuk di bahagian Dungun, Kuala Terengganu dan Setiu, agar Umno dapat berhadapan dengan PAS pada pilihan raya akan datang dalam keadaan yang lebih yakin.

Beliau juga mengingatkan, ketika keghairahan sedang memuncak di kalangan sesetengah pemimpin Umno negeri itu untuk mengketengahkan barisan kepimpinan muda, golongan lama, termasuk dari era "Wan Mokhtar" tidak sepatutnya disisihkan dengan sewenang-wenangnya, apa lagi jika mereka masih mampu berkhidmat dan mempunyai sokongan akar umbi.

Seorang veteran Umno Kelantan yang tidak pernah melepas peluang untuk mengikuti perhimpunan agung itu dari dekat berkata tidak seperti masa-masa lampau, pengenalan pemimpin atau anggota Umno menerusi kem atau puak-puak tertentu kini sudah tidak begitu ketara lagi di negeri itu.

"Ini satu perkembangan yang amat baik. Kini tidak begitu kedengaran lagi kem Annuar Musa, kem Ibrahim Ali, kem Mustapa Mohamad atau kem Hussein Ahmad. Semuanya kelihatan sudah kembali bertaut di bawah satu wadah perjuangan yang dikepalai oleh Datuk Mustapa Mohamad selaku ketua perhubungan," katanya.

Menurutnya, inilah masa yang paling baik bagi Umno menyahut saranan beberapa orang perwakilan untuk "membuka medan perang" dengan melancarkan serangan habis-habisan ke atas PAS dan Keadilan di Kelantan, Terengganu dan di mana-mana jua kawasan yang kedua-dua parti pembangkang itu sedang bertapak.

Pun begitu, beliau mengingatkan, dalam konteks masyarakat tradisional Melayu Islam yang berteraskan budaya kekampungan di Kelantan, atau mungkin juga di Terengganu, Pahang, Kedah, Perlis dan Selangor, pendekatan yang bijaksana hendaklah digunakan oleh Umno ketika melancarkan "peperangan" itu.

Beliau sependapat dengan perwakilan dari Pahang dan Terengganu bahawa walaupun Umno perlu lebih ofensif, pendekatan kasar seperti memaki hamun Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat (Mursyidul Am PAS merangkap Menteri Besar Kelantan) dan Haji Abdul Hadi Awang (Timbalan Presiden PAS merangkap

Menteri Besar Terengganu) seperti yang digunakan oleh sesetengah perwakilan seperti Ketua Umno Pasir Mas Datuk Ibrahim Ali, boleh menikam diri sendiri.

"Jika kita ingin memenangi hati orang PAS, serangan peribadi ke atas Nik Aziz atau Haji Hadi tidak akan menolong kerana, sebarang tindakan seumpama itu akan dianggap oleh pengikut-pengikut mereka sebagai penghinaan ke atas ulamak, sekali gus Islam," tegasnya.

Menurutnya, pendekatan cara lama yang digunakan pada tahun 70an adalah lebih berkesan - terus menghulurkan tangan persaudaraan dengan mendekati setiap lapisan anggota dan penyokong PAS atau Keadilan.

"Jika itu tidak tersambut, berikan pula tumpuan kepada aspek fakta yang tidak boleh dipertikaikan untuk meyakinkan rakyat bahawa PAS tidak mempunyai perancangan pembangunan yang mampu melepaskan mereka daripada belenggu kemiskinan. Yakinkan rakyat bahawa PAS telah gagal memenuhi harapan mereka," katanya.

-- BERNAMA

AM AM RON